

# SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA DI NEGERI KEDAH<sup>1</sup>

Kamarudin Ahmad

Universiti Utara Malaysia

kama@uum.edu.my

Semenjak kemunculan Islam hingga kini, umat Islam perlu kepada fatwa. Perkembangan kehidupan manusia yang semakin hari disusuli dengan pelbagai peristiwa baru memerlukan penyelesaian dari sudut hukum Islam. Oleh itu, seiring dengan kedatangan Islam ke alam Melayu, maka keperluan umat Islam terhadap fatwa juga tidak boleh dinafikan. Keperluan memahami dan mengatasi setiap permasalahan baru dari sudut kacamata Islam adalah sangat penting. Kerana itu, artikel ini cuba mengupas kemunculan institusi fatwa di negeri Kedah dan artikel ini juga melihat secara ringkas proses pembentukan, kaedah dan pengeluaran sesuatu fatwa. Dengan wujudnya institusi fatwa, masyarakat akan terarah berdasarkan Islam dan mudah memahami setiap permasalahan dari sudut pandangan Islam.

Kata Kunci: fatwa, Kedah, Islam

## 1.0 Pendahuluan

Tulisan ini sepantas lalu membincangkan mengenai kedudukan dan urusan hal ehwal agama dan institusi fatwa di Kedah. Kedudukan institusi fatwa sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan kedudukan agama Islam. Oleh itu, adalah perlu sebelum menyentuh kedudukan institusi fatwa di Kedah, terlebih dahulu akan disentuh mengenai kedudukan agama Islam itu sendiri.

## 2.0 Sejarah Pentadbiran Islam di Malaysia

Catatan sejarah menunjukkan bahawa Tanah Melayu merupakan antara kawasan paling awal menerima kedatangan Islam di rantau ini (Abu Bakar Abdullah, 1986). Namun demikian, ahli sejarah tidak sepandapat dalam menentukan tarikh yang tepat tentang kedatangan Islam. Namun kesimpulannya menunjukkan Islam mula tersebar sejak abad ke-13 Masihi dan penyebaran tersebut berlaku dengan pesatnya dalam abad ke-15 Masihi. Ketika ini, pelaksanaan Islam dari aspek perundungan dapat dikesan sesudah tertegaknya kerajaan Islam di Melaka (S.Q. Fatimi, 1963; Naquib, 1966).

<sup>1</sup> Kertas kerja ini telah dibentangkan di 23<sup>rd</sup> Conference Of The International Association Of Historians Of Asia 2014 (IAHA 2014) di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia pada 23-27 August 2014.

Bukti-bukti yang diperolehi di dalam Kitab Sejarah Melayu, menjelaskan terdapat peruntukan di dalam Undang-undang Melaka yang menentukan tanggungjawab pemerintah dalam Kesultanan Melaka untuk mentadbir pelaksanaan Islam. Sejak zaman pemerintahan Megat Iskandar Shah lagi sudah terdapat arahan-arahan tentang istiadat kerajaan Melaka bersifat Islam. Ini adalah kerana peranan yang dimainkan oleh *fuqaha* dalam menasihati pemerintah supaya melaksanakan undang-undang Islam (W.G Shellabear, 1961).

Selain itu, pentadbiran Islam juga telah dilaksanakan di beberapa negeri<sup>2</sup>. Menariknya, terdapat banyak persamaan antara kandungan teks Hukum Kanun Melaka dengan teks undang-undang yang dijumpai di Pahang, Kedah dan Perak. Malahan, terdapat bukti menunjukkan bahawa undang-undang yang terdapat di Melaka adalah undang-undang induk bagi undang-undang yang dilaksanakan di negeri-negeri lain (Zaini Nasohah, 2004).

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan (Perkara 3)<sup>3</sup>. Selepas merdeka, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam diwujudkan. Ia bertindak sebagai satu badan yang menguruskan urusan agama Islam. Selangor adalah negeri pertama yang mewujudkan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak pada tahun 1952 diikuti oleh negeri-negeri lain<sup>4</sup> (Muhammad Ariffin, 2007). Selain melibatkan peruntukan berkaitan penubuhan organisasi dan

---

<sup>2</sup> Di Pahang melalui penguatkuasaan Undang-undang Pahang (Ahmad Ibrahim, 1985; Linehen, 1936). Sementara di Perak melalui Undang-undang 99 Perak, dipercayai dibawa masuk semasa pemerintahan Sultan Tajuddin Shah oleh Syed Hussain al-Faradz daripada Hadramaut (Liaw, 1978; Buyung Adil, 1972). Undang-undang 99 Perak ini telah menjadi rujukan dalam pentadbiran negara oleh para menteri (Ismail Hamid, 1987; Rigby, 1970).

<sup>3</sup> Selain itu, terdapat beberapa lagi peruntukan yang berkaitan dengan agama Islam dalam perlembagaan. Contohnya, Perkara 74(2) menyatakan bahawa badan perundangan negeri boleh menggubal undang-undang tentang mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama Jadual ke-IX, Senarai 2. Senarai Negeri dengan jelas mengatakan kuasa negeri dalam perkara pentadbiran agama Islam dan hukum syarak. Bentuk dan skop pentadbiran undang-undang Islam masih tidak berubah berdasarkan amalan yang dijalankan semasa penjajahan (Zaini Nasohah, 2004).

<sup>4</sup> a. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu 1955;  
b. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1956;  
c. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Melaka 1959;  
d. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pulau Pinang 1959;  
e. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sembilan 1960;  
f. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 1962;  
g. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perlis 1964  
h. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perak 1965;  
i. Enakmen Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966;  
j. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974;  
k. Ordinan Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 1977;  
l. Ordinan Majlis Islam (Penubuhan Sarawak) 1977;  
m. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Johor 1978;  
n. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 1978;  
o. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982;  
p. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986;  
q. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991;  
r. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992.

mekanisme pentadbiran hal ehwal agama Islam, ia juga melibatkan peruntukan berkenaan mufti, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Kadi.

### **3.0 Kedudukan Fatwa di Malaysia**

Fatwa secara amnya adalah merupakan hasil dapatan hukum yang dikeluarkan oleh mufti berdasarkan kepada kaedah dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam hukum syarak. Fatwa merupakan sebahagian daripada perkara yang berhubung dengan hukum syarak di bawah pentadbiran hal ehwal agama Islam dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ia termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Di Malaysia, sesuatu fatwa hanya layak dikeluarkan oleh mufti sahaja. Perlantikan mufti pula dilakukan oleh Sultan atas nasihat Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Struktur organisasi fatwa wujud seiring dengan penubuhan dan penetapan perundangan Islam di negeri-negeri Melayu. Pada dasarnya, kedudukan dan penubuhan hal ehwal perundangan Islam di negeri-negeri Melayu berbeza antara satu dengan yang lain. Justeru itu, hal ini telah menimbulkan sedikit perbezaan mengenai struktur dan organisasi fatwa di negeri-negeri Melayu (Alias, 2001)<sup>5</sup>.

Selepas kemerdekaan, institusi fatwa diletakkan di bawah Jabatan Agama Islam. Ketika ini, belum wujud satu jabatan khusus berkaitan pentadbiran fatwa. Namun demikian, pentadbiran Jabatan Mufti mula dipisahkan dengan pentadbiran Jabatan Agama Islam negeri-negeri bermula pada tahun 1992 (Khudzri, 2006)<sup>6</sup>.

### **4.0 Sejarah Penubuhan Institusi Fatwa di Negeri Kedah**

Bahagian ini menyentuh kedudukan dan kewujudan fatwa di Kedah secara ringkas. Ia merangkumi detik awal kewujudannya dan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, No. 9, 1962, sehinggalah terbentuknya Pejabat Mufti. Kewujudan fatwa dan institusinya tidak dapat dipisahkan dengan kedatangan Islam dan peranan yang dimainkan oleh pihak istana.

Sebelum penelitian khusus dibuat terhadap institusi fatwa, sebaiknya dilihat perkembangan awal kewujudan Islam di negeri Kedah. Sejarahnya bermula ketika Islam dibawa ke negeri Kedah oleh seorang ulama Arab yang bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Qumairi dan rakan-rakannya pada masa pemerintahan Maharaja Derbar Raja II (1136). Syeikh Abdullah juga telah dilantik menjadi penasihat peribadi baginda (Muhammad Hassan, 1968). Baginda telah dinasihatkan oleh Syeikh berkenaan supaya mengubah nama baginda kepada ‘Sultan Muzaffar Shah’ dan negeri Kedah sebagai

<sup>5</sup> Struktur dan organisasi fatwa adalah berbeza di antara negeri-negeri. Walau bagaimanapun, didapati struktur dan organisasi fatwa bagi negeri Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan hampir sama. Cuma terdapat perbezaan kecil sahaja seperti bilangan anggota jawatankuasa (Alias, 2001). Perbezaan besar dapat dilihat di negeri Perlis yang melibatkan perbezaan metodologi pengeluaran fatwa berdasarkan peruntukan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam. Perbezaan ini berpunca daripada peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia yang menetapkan bahawa Raja adalah ketua agama bagi tiap-tiap buah negeri (Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan).

<sup>6</sup> Secara khusus, di Perlis bermula pada April 1994 dan Wilayah Persekutuan bermula pada Januari 1998. Hanya di Kelantan tidak mengalami sebarang perubahan kerana Jabatan Mufti telah wujud secara berasingan sejak mula ditubuhkan lagi (Hidayat, 2004). Kedah pula mengalami perubahan yang agak lewat iaitu pada tahun 2008 apabila Pejabat Mufti mula beroperasi sepenuhnya secara berasingan.

‘Darul Aman’. Pengislaman sultan dan rakyat ini merupakan bibit-bibit penting ke arah perlaksanaan syariat Islam dalam sistem pemerintahan yang merangkumi penubuhan institusi fatwa di negeri Kedah (Buyung Adil, 1980).

Sultan menduduki hirarki tertinggi dalam struktur sosial dan politik ketika itu. Mengikut tradisi sejak agama Islam diterima di Kedah, Sultan dianggap menjadi ketua agama Islam dan bertanggungjawab secara langsung mengenai hal agama Islam (Osman Ishak, 1981). Perlembagaan Negeri Kedah sendiri menyatakan bahawa Sultan menjadi ketua agama Islam di negeri Kedah [Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darulaman, Alor Setar, 1959, Perkara 39, Ceraian 2(d)]. Baginda menjalin hubungan yang rapat dengan para alim ulama dan melantik mereka menjadi penasihat dalam urusan pertabalan, perkahwinan, kemangkatan serta hal-hal yang berkaitan dengan Islam (Jurnal Tahunan Perdana dan Kemajuan (1963-1993) Majlis Agama Islam, Alor Setar Kedah, 1995).

Hakikatnya, walaupun institusi fatwa belum wujud, namun peranan tersebut dilaksanakan oleh alim ulama di atas (Osman Ishak, 1981). Walau bagaimanapun, tidak ada bukti bahawa fatwa pernah dikeluarkan oleh ulama-ulama tersebut. Tetapi, tentu sekali terdapat nasihat-nasihat mengenai keagamaan diberikan, seperti perkara-perkara yang berhubung dengan fardhu ain dan lain-lain (Buyung Adil, 1980).

Catatan paling awal yang dapat dikesan berkaitan dengan fatwa berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II (1710-1778) iaitu di awal pemerintahan negeri Kedah dengan mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang termasuk hukum syarak<sup>7</sup>. Satu Jabatan Mufti telah diadakan di mana baginda telah melantik Syeikh Abdul Jalil (Buyung Adil, 1980) dan kemudiannya melantik anaknya Syeikh Abdul Kadir sebagai mufti (Mohd Shaghir, 1983).

Institusi fatwa mula mendapat tempat dalam struktur pentadbiran Kerajaan Negeri semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarrom Shah (1854-1879). Perkara ini terbukti dengan kewujudan jawatan mufti dalam struktur pentadbiran agama Islam negeri seperti yang disebut dalam Jurnal Peranan dan Kemajuan Majlis Agama Islam Kedah (1963-1993):

‘Adapun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menjadi Hakim yang menghukum segala orang-orang isi negeri itu dan Tuan Besar Haji Zain ditetapkan menjadi Kadi dikapit oleh Imam Besar Tuan Haji Mat Jaafar dengan Tuan Syeikh Ali dan yang menjadi mufti ialah Tuan Muhammad Taib bin Ismail’.

Struktur pentadbiran agama Islam menjadi lebih sistematik semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin (1879-1943). Kesannya, institusi fatwa diletakkan di bawah satu organisasi yang teratur di bawah Pejabat Agama Islam Negeri yang ditubuhkan di Limbung Kapal, Alor Setar. Namun, tarikh penubuhannya tidak dapat dipastikan (Osman Ishak, 1981).

<sup>7</sup> Tugas Syeikh bukan sahaja memberi fatwa tetapi juga bertanggungjawab mengenai Pentadbiran Agama Islam dan Mahkamah Syariah. Di samping itu, Syeikh al-Islam juga pernah dilantik sebagai ‘Guru Ugama Diraja dan Hakim Mahkamah Rayuan. Lihat dalam Mat Kassim bin Abdul Majid “Sultan Abdul Hamid Shah (1864-1945), Pengasas Kedah moden dalam Lindungan Bulan (Jil. 9 November, 1981, Bil (no. 1) Persatuan Sejarah Malaysia (Kedah) hlm. 17 dan lihat juga Abdul Manaff bin Saad, *Suatu kajian ringkas mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (1874M-1935M)* dalam Kedah dari Segi Sejarah (Jil. 7 bil. 1, Julai 1976, hlm.19).

Pejabat ini berperanan menguruskan hal ehwal agama Islam dan diketuai oleh seorang pegawai tertinggi yang bergelar ‘Syeikhul Islam’<sup>8</sup> dan dibantu oleh seorang Kadi Besar. Pentadbiran Agama Islam ketika ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian Pentadbiran Am Urusan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan bahagian Syariah (Jurnal Peranan dan Kemajuan 1963-1993).

Bahagian pertama adalah di bawah naungan Syeikhul Islam sendiri yang berperanan:

- i. Menggubal peraturan-peraturan tertentu yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.
- ii. Mengawal kegiatan pendakwah supaya tidak ada penyelewengan agama dan ajaran sesat.
- iii. Mengeluarkan fatwa.
- iv. Memastikan jentera pentadbiran agama Islam di negeri Kedah berjalan dengan licin, termasuklah jentera pentadbiran syariah.

Manakala bahagian Syariah pula berperanan dalam urusan nikah, cerai, ruju’, pendaftaran pemeluk agama Islam yang baru (muallaf) dan sebagainya. Jelas di sini bahawa institusi fatwa telah diwujudkan dan diletakkan dalam bahagian yang khusus dan teratur di bawah bidang kuasa Syeikhul Islam. Pada tahun 1935, Majma’ Syaikhul Islam<sup>9</sup> ditubuhkan menggantikan jawatan Syeikhul Islam yang dianggotai oleh Kadi Besar dan dua ahli yang dilantik bertujuan melicinkan lagi pengurusan dan pentadbiran agama Islam negeri Kedah (Jurnal Peranan dan Kemajuan 1963-1993; Osman Ishak, 1981).

---

<sup>8</sup> Seramai tiga orang ulama pernah dilantik menjawat jawatan itu pada zaman baginda Sultan Abdul Hamid Shah. Mereka ialah Syeikh Muhammad Khayyat, seorang Arab, yang berkhidmat selama tiga tahun dari tahun 1901-1903. Syaikhul Islam seterusnya disandang oleh Syed Abdullah Dahlan yang berkhidmat selama setahun dan selepas itu Haji Wan Sulaiman Wan Sidek memegang jawatan Syaikhul Islam Kedah selama 30 tahun sehingga ia meninggal dunia pada tahun 1935. Selepas itu, Majma’ Syaikhul Islam ditubuhkan menggantikan Syaikhul Islam yang dianggotai oleh Kadi Besar dan dua ahli yang dilantik. Apabila Majlis Agama Islam Kedah ditubuhkan melalui Enakmen Majlis Agama dan Adat Melayu pada tahun 1948 (no.4 1367) maka Majma’ ini ditamatkan fungsinya. Akhir sekali Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak no. 9, 1962 ditubuhkan menggantikan Enakmen 1948. Melalui Enakmen 1962 maka ditubuhkan jawatankuasa fatwa. Sila lihat Mat Kasim b. Ab Majid, *Sultan Abdul Hamid Shah 1864-1945* dalam Lindungan Bulan, jil. 9, November 1981, bil. 1, Alor Setar, Persatuan Sejarah Malaysia (Kedah), hlm. 18 dan lihat juga Osman Ishak, 1981, hlm. 47.

<sup>9</sup> Gelaran Majma’ Syeikhul Islam telah digunakan pada tahun 1936 sehingga 1964. Majma’ ini mempunyai tiga orang anggota, iaitu Kadi Besar Sheikh Ahmad Wakas menjadi pengurus, Haji Abdul Ghani dan Sheikh Mahmud bin Mohd Noh menjadi anggotanya. Kemudian dilantik Sheikh Mahmud bin Mohd Noh menjadi pengurus. Selepas itu, dilantik Haji Abdul Rahman bin Abdul Latiff menjadi pengurus, dan beliau ialah pengurus Majma’ Syeikhul Islam yang terakhir di Kedah. Lihat Osman Ishak, 1981, hlm. 47.

Apabila Majlis Agama Islam Kedah ditubuhkan melalui Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu pada tahun 1948, maka Majma' Syaikhul Islam ditamatkan fungsinya. Tujuan Majlis ini ialah untuk menasihati Sultan mengenai hal agama Islam. Majlis ini mempunyai sepuluh orang ahli yang dilantik oleh sultan, iaitu lima orang terdiri dari ulama dan lima orang mewakili pihak Adat Istiadat Melayu (Osman Ishak, 1981).

Seterusnya, semasa pemerintahan Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah berlaku perubahan dengan pengenalan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9, 1962 bagi menggantikan Enakmen 1948. Di bawah undang-undang ini, urusan fatwa diletakkan di bawah struktur organisasi khusus iaitu Jawatankuasa Fatwa (Enakmen Kedah, Seksyen 35-38). Namun, pengurusan fatwa masih tidak diasangkan dengan pentadbiran agama Islam negeri sehingga terbentuknya Jabatan Mufti Negeri pada tahun 1998.

Realitinya, Kedah belum mempunyai jawatan mufti yang dilantik khusus untuk memegang jawatan tersebut sehingga tertubuhnya Jabatan Mufti Negeri pada tahun tersebut. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada peruntukan jawatan mufti dalam Enakmen Negeri Kedah. Sebaliknya, semua urusan fatwa dilaksanakan oleh sebuah jawatankuasa fatwa yang diketuai oleh seorang pengerusi Jawatankuasa Fatwa dan ahli-ahli yang dilantik<sup>10</sup>. Pentadbiran urusan fatwa pula dilakukan oleh kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah yang ditugaskan membantu jawatankuasa ini. Ini bermakna belum wujud satu organisasi yang tersusun dan terasing dengan Jabatan Agama Islam pada ketika itu.

Pada peringkat awal, Jawatankuasa Fatwa (JKF) yang bertanggungjawab mengendalikan urusan pembentukan fatwa diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Sultan setelah berunding dengan Majlis Agama Islam Negeri. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh dua orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua orang atau tidak lebih dari enam orang ahli yang lain. Ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah merupakan orang Islam yang patut dan layak dan bukan dalam kalangan anggota Majlis<sup>11</sup> (Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Kedah No 9, 1962).

Secara umumnya, ia membuatkan Jawatankuasa Fatwa dan Majlis Agama Islam merupakan dua organisasi yang berasingan. Namun begitu, terdapat perkaitan antara kedua-duanya iaitu sebilangan ahli Jawatankuasa Fatwa merupakan ahli Majlis. Ahli Jawatankuasa Fatwa dari tahun 1963 hingga 1995 adalah seramai sembilan orang<sup>12</sup> dan hanya dua orang sahaja yang digantikan atas sebab meninggal dunia<sup>13</sup>. Pengerusi Jawatankuasa Fatwa adalah Syeikh Abdul Majid bin Mohd Nor yang bertanggungjawab menjadi pengerusi setiap kali mesyuarat diadakan. Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam memperuntukkan iaitu:

<sup>10</sup> Gelaran Pengerusi JKF telah digunakan pada tahun 1965 sehingga tahun 2000. Perlantikan pengerusi Jawatankuasa Fatwa dan ahli dilakukan oleh Ke bawah DYMM Tuanku Sultan Kedah di bawah peruntukan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah Bil. 9 Tahun 1962. Perlantikan tersebut hendaklah diwartakan terlebih dahulu sebelum jawatankuasa ini beroperasi.

<sup>11</sup> Maksud anggota Majlis ialah individu yang bekerja dengan Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

<sup>12</sup> Senarai ahli JKF seperti berikut; Prof Dato' Dr. Marzuki bin Mahmud; Tuan Haji Abdul Aziz bin Ibrahim; Dato' Syeikh Mahmud bin Ismail; Syeikh Ismail bin Omar; Syeikh Zainal bin Empon; Syeikh Ahmad bin Ali; Syeikh Zakaria bin Ahmad, Syeikh Yaakob bin Senawi; Syeikh Mohd Zahir bin Othman

<sup>13</sup> Tuan Haji Hussain bin Haji Salleh dan Tuan Syeikh Talib bin Hussain.

'Hendaklah pengerusi Jawatankuasa Fatwa menjadi pengerusi dalam semua mesyuarat jawatankuasa itu'.

## 5.0 Kedudukan Institusi Fatwa di Kedah

Pentadbiran fatwa di negeri Kedah mengalami perubahan besar pada tahun 1998 apabila Pejabat Mufti Negeri Kedah Darulaman ditubuhkan mengikut waran perjawatan negeri Kedah Bil. 3/1998. Implikasinya, urusan berkaitan fatwa diletakkan secara khusus di bawah Jabatan Mufti dan bukan lagi di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah. Perkembangan ini menyaksikan Pejabat Mufti mempunyai struktur pentadbiran yang lebih kemas dengan susunan fungsi yang lebih teratur dan terancang. Maka, diwujudkan jawatan-jawatan khusus berkaitan fatwa. Antaranya ialah pegawai penyelidik, pegawai eksekutif dan penolong pegawai penyelidik. Selain itu, terdapat juga jawatan-jawatan lain bertujuan membantu perjalanan dan urusan fatwa.

Bertujuan memantapkan lagi pentadbiran jabatan Mufti Negeri Kedah maka pada tahun 2008, telah diperuntukkan Enakmen No. 6 yang dinamakan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman). Dengan berkuatkuasa enakmen ini pada 1 April 2008, pentadbiran institusi fatwa di Negeri Kedah diperkemaskin lagi dengan keanggotaan Jawatankuasa Fatwa yang terdiri daripada Mufti sebagai Pengurus, Timbalan Mufti sebagai ahli, tiga orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada enam orang lain, yang layak dan sesuai dilantik oleh KDYMM Tuanku Sultan atas nasihat Mufti serta seorang pagawai dari Jabatan Mufti sebagai Setiausaha.

Enakmen ini mengadakan peruntukan tentang mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri serta peruntukan bagi fungsi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan fatwa. Walaupun enakmen ini baharu diperuntukkan tetapi tidak terdapat perbezaan yang ketara berbanding dengan enakmen terdahulu. Bezanya adalah setiap fatwa tidak perlu lagi mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Negeri untuk diwartakan. Hal-hal lain yang berkaitan dengan kaedah dan proses mengeluarkan fatwa masih lagi diterima dan diamalkan. Aktiviti Jabatan Mufti pula dibahagikan kepada dua iaitu bahagian Pengurusan melibatkan pentadbiran am, perkhidmatan dan kewangan. Manakala bahagian Fatwa melibatkan pembangunan fatwa, seranta, *azimuth* Kiblat dan tauliah.

### 5.1 Mufti

Dengan tertubuhnya Pejabat Mufti Negeri Kedah Darul Aman pada tahun 1998, maka buat pertama kalinya dalam sejarah fatwa negeri Kedah, jawatan mufti diwujudkan. Sebelum ini jawatan mufti tidak boleh diwujudkan kerana tiada peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam No. 9 tahun 1962. Mufti merupakan pentadbir Jabatan Mufti Negeri dan pihak berkuasa utama dalam urusan hal ehwal hukum agama Islam. Kedudukannya diiktiraf di sisi undang-undang pentadbiran Islam seperti termaktub dalam Seksyen 4 dan 5, Enakmen no.6 tahun 2008. Seksyen 4 memperuntukkan:

'Mufti yang dilantik di bawah Seksyen 5 enakmen ini hendaklah menjadi pentadbir Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman'.

Selain itu, mufti bertanggungjawab untuk mengeluarkan apa-apa fatwa. Peruntukan Perkara 8(1) menjelaskan seperti berikut:

'Mufti hendaklah berkuasa mengeluarkan apa-apa fatwa'.

Bermula pada 1 Januari 2000 pentadbiran jabatan Mufti dipisahkan sepenuhnya daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (dibawah Maksud Perbelanjaan B 46) namun masih merujuk kepada Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Nombor 9 Tahun 1962 sehingga pindaan dibuat pada 3 Ogos 2000 di mana jawatan Mufti Negeri Kedah diwartakan di dalam warta kerajaan dari perkataan 'Pengerusi Jawatankuasa Fatwa' kepada 'Mufti' Gred S1 (Terbuka). Oleh yang demikian, pada 1 September 2000 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9/1962, Seksyen 35(Pindaan) menggantikan gelaran 'Pengerusi Jawatankuasa Fatwa' kepada 'Mufti'. Gelaran 'Mufti' telah digunakan pada tahun 2000 sehingga kini.

Selepas pindaan undang-undang tersebut diwartakan, Sohibus Samahah Dato' Mursyid DiRaja Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Noor terus berkhidmat secara rasmi sebagai Mufti Negeri Kedah Darul Aman sehingga 30 Jun 2002. Mulai 1 Julai 2002, KDYMM Tuanku Sultan telah perkenan melantik Sohibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim menjadi Mufti Negeri Kedah yang kedua sehingga Jun 2009. Kemudian KDYMM Tuanku Sultan telah perkenan melantik Sohibus Samahah Dato' Syeikh Muhamad Baderudin bin Haji Ahmad menjadi Mufti Negeri Kedah yang ketiga mulai 1 Julai 2009 hingga kini.

Realitinya, sejak dahulu lagi mufti diberi tugas dan kepercayaan untuk menjelaskan dan mengeluarkan fatwa bagi menyelesaikan isu-isu dan kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat. Kadangkala mufti diminta menjelaskan hukum-hukum yang telah dihuraikan dan diperjelaskan dalam kitab-kitab. Ketika ini, mufti hanya menyampai dan menjelaskan perkara tersebut (Monir Yaacob, 1998). Adakalanya pula, mufti meleraikan persoalan baharu yang berlaku dalam masyarakat. Pada asasnya, dalam melaksanakan tugasnya, mufti dibantu oleh timbalan mufti seperti yang terdapat dalam Perkara 5(1) Enakmen no. 6 yang memperuntukkan bahawa:

'Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat majlis berkuasa melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi mufti dan timbalan mufti bagi negeri Kedah Darul Aman'.

## 5.2 Kaedah pengeluaran Fatwa

Mazhab Syafi'i adalah rujukan utama dalam setiap keputusan fatwa yang dikeluarkan. Enakmen pentadbiran dengan jelas memperuntukan rujukan utama yang mesti dilakukan. Perkara dapat dilihat dalam enakmen 2008 yang menyebutkan:

Seksyen 26 (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafi'i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Peruntukan ini sedikit berbeza dengan Enakmen 1962 seksyen 38 (1) yang menyebutkan bahawa tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah disyaratkan dahulu itu, maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut qaul yang muktamad daripada mazhab Syafi'i. Dengan syarat jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut qaul muktamad itu akan berlawanan dengan maslahah orang ramai maka bolehlah Majlis atau JF mengikut qaul daif daripada mazhab Syafi'i. kemudian jika berlawanan juga dengan maslahah orang ramai maka bolehlah mengikut mana-mana qaul daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali, setelah mendapat keizinan khas DYMM.

## 6.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, Islam adalah merupakan agama rasmi negara seperintima yang terdapat dalam peruntukan Perlembagaan. Walaupun agama Islam telah dinobatkan sebagai agama negara, namun hakikatnya tidak boleh digunakan untuk mengatasi peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang lain seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan. Oleh itu, kewujudan institusi fatwa di Malaysia adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan yang memberikan negeri-negeri menguruskan sendiri urusan yang berkaitan dengan agama Islam. Sultan pula merupakan ketua agama Islam di setiap negeri termasuklah negeri Kedah. Baginda dalam menjalankan tugasnya akan dibantu oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Agama dan Pejabat Mufti. Pejabat mufti bertanggungjawab melaksanakan segala urusan fatwa. Setiap permasalahan yang timbul samada masalah baru atau lama akan dijawab oleh pihak bertanggungjawab berdasarkan kepada yang pertamanya keutamaan hendaklah diberikan kepada mazhab Syafie, kemudian kepada lain-lain mazhab yang dibenarkan setelah mendapat keizinan daripada Sultan.

## Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. (1997). *Shariah Courts in Malaysia, Past, Present and Future* dlm. Ahmad Ibrahim & Abdul Monir Yaacob, *The Administration of Islamic Law*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. (1998) Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia dlm. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abu Bakar Abdullah. (1986). *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai
- Buyung Adil. (1980). *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimi S,Q. (1963). *Islam Comes To Malaysia*. ed. Shirley Gordon. Singapore: Malayan Sosiological Research Institute Ltd.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad. (1968). *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Othman Ishak. (1998). Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan dan Kehakiman dlm. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd Majid, *Mufti dan Fatwa Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Shellabear, W.G. (1961). *Sejarah Melayu*. Singapore: The Malayan Publishing House.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (1990). *Fatawa Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1983). *Syeikh Abdul Shamad al-Falimbangi, Shufi yang syahid fi sabillillah*. Pontianak.
- Alias Azhar. (2001). Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari tahun 1985-1995: Tesis Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Wan Abd. Rahman Khudzri. (2006). Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Beberapa Jabatan Mufti Yang Dipilih. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia sebelum dan menjelang merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Jabatan Mufti Negeri Kedah (t.t) Himpunan Fatwa Negeri Kedah, 4 jilid. Terbitan Jabatan Mufti dan Majlis Agama Islam negeri Kedah.

Jurnal Tahunan Perdana dan Kemajuan (1963-1993) Majlis Agama Islam, Alor Setar Kedah, 1995.